

# **CABARAN DAN PENGURUSAN SEMPADAN MARITIM INDONESIA: PENGAJARAN KEPADA MALAYSIA**

**(CHALLENGES IN MANAGING INDONESIAN MARITIME  
BORDER: LESSON TO MALAYSIA)**

Ramli Dollah (ramlid@hotmail.com)

Wan Shawaluddin Wan Hassan (lawahs@rocketmail.com)

Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah

## **Abstract**

Indonesia is a vast country in terms of geography with a population of more than 240 million. Currently, Indonesia faces the economic, political, social and maritime border problems. This study highlights the problem of Indonesian maritime boundary with its neighboring countries as a result of the United Nations Convention on the Law of the Sea (UNCLOS) and identifies the major development in Indonesian maritime policy, especially the steps that has been taken by the government to solve the issue of border demarcation and other maritime related issues. Apart from UNCLOS noble intent to provide the foundation for an effective maritime security regime, this study contends that it does not in whatsoever circumstances in solving problem related to the maritime problems face by countries but further complicates the issue. This study concludes that Indonesia handles issues in maritime border through case by case approach. This approach seems appropriate for Indonesia in order to man its national interest as well as its vast maritime border. For Malaysia, the ability and effectiveness of the Indonesian government to deal with the maritime security and other maritime related issue should be a major lesson for the government.

*Keywords:* *Indonesia, Malaysia, maritime, islands, sovereignty.*

## **Pengenalan**

Indonesia merupakan sebuah negara kepulauan yang luas dari segi geografi dengan mempunyai pelbagai bentuk latar belakang masyarakat dan agama dengan dikenali sebagai bangsa Indonesia. Namun, walaupun ia merupakan sebuah negara yang besar dari segi geografi dan jumlah penduduknya yang ramai, tetapi hakikatnya negara tersebut menghadapi sejumlah besar masalah sama ada dalaman atau luaran melibatkan kesemua aspek sama ada ekonomi, politik, sosial dan sebagainya. Salah satu daripada masalah utama yang dialami oleh negara

tersebut adalah berkait dengan masalah sempadan sama ada di daratan ataupun maritim.

Oleh itu, artikel ini akan menyentuh masalah maritim yang berlaku di negara ini yang mungkin membawa kepada satu masalah yang besar kepada masa depan Indonesia. Dengan keluasan negara tersebut, didapati bahawa kerajaan Indonesia seolah-olah ‘tidak ambil peduli’ mengenai hal yang berlaku di pulau-pulau yang terdapat di negara tersebut sehingga terdapat kepentingan yang membawa pulangan yang lumayan di kawasan tersebut terutamanya berkait dengan minyak misalnya isu yang berlaku di Laut Sulawesi pada 2005. Artikel ini membincangkan masalah sempadan maritim yang dihadapi oleh Indonesia. Artikel ini dibahagi kepada beberapa bahagian. Pertama, latar belakang Indonesia terlebih dahulu akan dibincangkan. Ini diikuti dengan kepentingan maritim dan seterusnya masalah sempadan maritim yang dihadapi Indonesia. Berikutnya penyelesaian sempadan oleh Indonesia serta kesimpulan.

### **Latar Belakang Indonesia**

Pembentukan negara Indonesia seperti yang dikenali pada hari ini berlaku pada 17 Ogos 1945, 2 hari selepas pengumuman rasmi tentera Jepun untuk menyerah kalah kepada pihak Berikat. Pada 2000, Indonesia dianggarkan mempunyai penduduk lebih kurang 224,784,210 orang. Daripada jumlah ini, bangsa Jawa mewakili 45% daripada penduduk Indonesia. Ini diikuti oleh Sunda (14%), Madura (7.5%), Melayu (7.5%) dan 26% lagi adalah terdiri daripada bangsa-bangsa lain. Majoriti penduduk Indonesia adalah beragama Islam dengan jumlahnya mewakili 88% dan diikuti oleh Kristian yang mewakili 5% bagi penganut Protestan dan 3% lagi adalah penganut Katolik, Hindu 2%, Buddha 1% dan selebihnya adalah 1% (Indonesia, 2005).

Daripada segi geografi, Indonesia dianggap sebagai sebuah negara kepulauan (Kusumaatmadja, 1978). Ini jelas berdasarkan kepada jumlah pulau seperti yang dicatatkan oleh *Indonesian Naval Hydro-Oceanographic Office* yang menyenaraikan lebih kurang 17,508 buah pulau dengan kepanjangan pantai lebih kurang 55,000 kilometer. Namun Cribb & Ford, sebaliknya meletakkan 18,108 buah pulau iaitu berdasarkan kiraan terbaru (Cribb & Ford. 2009). Indonesia merupakan sebuah negara kepulauan yang terbesar di dunia. Kawasan maritimnya yang luas melibatkan 5.8 juta km persegi terdiri dari 0.3 km persegi wilayah laut, 2.8 juta km persegi air kepulauan dan 2.7 km persegi zon ekonomi eksklusif (ZEE) (Oegrosena. 2009: 49). Negara ini juga memiliki dua lokasi strategik di persimpangan lautan luas iaitu Lautan Hindi dan Pasifik serta dua benua Asia dan Australia (Oegrosena, 2009). Malah ia menghubungkan Eropah, Timur Tengah, Afrika dengan kuasa ekonomi Asia. Indonesia juga terletak di tiga buah selat yang strategik iaitu Selat Melaka dan Singapura, Selat Sunda dan Selat Lombok.

Pada 1996, keluasan wilayah laut yang dimiliki oleh Indonesia adalah 4 kali lebih besar daripada kawasan daratan (1.9 juta kilometer persegi) iaitu lebih kurang 7.9 juta kilometer (termasuk Zon Ekonomi Eksklusif) dan mewakili 81%

daripada jumlah keseluruhan negara ini (Indonesian Government, 1996). Daripada keseluruhan wilayah ini, terdapat 5 buah pulau yang terbesar iaitu Sumatera yang mewakili 473,606 kilometer persegi, Jawa/Madura mewakili 132,107 km persegi, Kalimantan yang mewakili 2/3 daripada keseluruhan Borneo mempunyai keluasan 539,460 km persegi, Sulawesi (189,216 km persegi) dan Irian Jaya dengan keluasan 421,981 km persegi (Indonesian Government, 1996).

Peta 1: Peta Indonesia



Sumber: [http://www.lib.utexas.edu/maps/cia08/indonesia\\_sm\\_2008.gif.jpg](http://www.lib.utexas.edu/maps/cia08/indonesia_sm_2008.gif.jpg). Dilayari pada 4 Ogos 2009

Disebabkan keluasan yang dimiliki oleh Indonesia ini menyebabkan negara tersebut sering menghadapi masalah terutamanya dalam mengawal sempadannya sama ada di darat atau di laut yang terlalu luas. Oleh itu, tidak menghairankan jika Indonesia sukar untuk mengawal keseluruhan kawasan negara tersebut. Malahan melihat jumlah pulau dan keluasan negara tersebut telah menunjukkan bahawa ia memerlukan sejumlah tentera yang besar terutamanya angkatan laut bagi berhadapan dengan sebarang kemungkinan di negara tersebut. Antara isu-isu utama yang berlaku di negara ini adalah seperti isu penentangan puak pemisah terutamanya oleh Gerakan Aceh Merdeka (GAM)<sup>1</sup>, masalah pemberontakan Organisasi Papua Merdeka (OPM) di Irian Jaya<sup>2</sup>, masalah konflik agama di Maluku dan Ambon, ancaman pengganas dan ekstremis agama.. Berhadapan dengan masalah-masalah ini, Indonesia memerlukan kepada sejumlah anggota dan kekuatan tentera yang besar untuk mengatasi keseluruhan masalah ini.

### Kepentingan Maritim Indonesia

Artjana menyenaraikan kepentingan maritim Indonesia kepada beberapa perkara antaranya ialah; melaksanakan pembangunan dalam semua bidang persekitaran

strategik; megimplementasikan pengasasan orde dunia dengan keadilan wujud dan perkongsian manfaat bersama; mengekalkan keselamatan positif dan persekitaran positif dan strategik di dalam rantau ini dan menguatkan ketahanan serantau melalui berbagai bentuk kerjasama termasuk bilateral, serantau dan antarabangsa (Artjana, 1993: 112-113).

Dalam masa yang sama, walaupun Indonesia tidak terlibat secara langsung dalam konflik maritim di Laut China Selatan, namun ia turut memasukkan pertimbangan geostrategik di Laut China Selatan sebagai salah satu isu utama berkait dengan dasar maritim negara tersebut. Jelas bahawa Indonesia bukan merupakan salah sebuah negara yang terlibat dalam tuntutan Kepulauan Spratly tetapi turut melibatkan kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Indonesia (South China Sea, 2009). Artjana menambah, "bagi Indonesia, Laut China Selatan merupakan kepentingan geostrategik dalam mengekalkan kepentingan nasional termasuk juga negara yang terlibat" (Artjana, 1993: 112). Menyedari kepentingan ini telah mendorong Indonesia untuk terlibat secara langsung sebagai hos bagi Bengkel Laut China Selatan yang bermula pada tahun 1990. Ia merupakan antara usaha awal menggunakan diplomasi trek kedua dalam menyelesaikan isu-isu di Laut China Selatan. Malah juga sangat penting dalam soal maritim ialah mengenai SLOC (Sea lines of communication) dengan Indonesia menjadi laluan penting kapal dagang dari seluruh dunia.

### **Masalah Sempadan Maritim di Indonesia**

Berdasarkan kepada jumlah pulau yang banyak berserta dengan kepanjangan pantai, tidak dapat dielakkan bahawa negara ini pasti mempunyai masalah dalam menguruskan wilayahnya. Ini ditambah lagi apabila negara tersebut mempunyai sempadan dengan lebih kurang 10 buah negara iaitu India, Malaysia, Singapura, Vietnam, Filipina, Australia, Timor Leste, Palau, Papua New Guinea dan Thailand. Jadual di bawah menunjukkan perbandingan Indonesia dengan negara-negara yang berada di sekitarnya.

Jika merujuk kepada jadual (1), jelas menunjukkan bahawa Indonesia merupakan antara negara yang mempunyai keluasan kawasan maritim yang besar selepas Australia. Ini jelas apabila melihat kepada keempat-empat ciri di atas iaitu kawasan daratan, pantai, pelantar benua dan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Keadaan ini menyebabkan Indonesia berhadapan dengan pelbagai situasi yang genting kerana permasalahan sempadan maritim merupakan satu perkara yang lumrah di seluruh dunia lebih-lebih lagi di rantau Asia Tenggara. Keadaan menjadi bertambah teruk apabila Undang-Undang Laut Antarabangsa ataupun UNCLOS III yang dipersejui awal tahun 1980an dan diterimapakai oleh hampir keseluruhan negara di rantau ini tidak memberikan jawapan kepada permasalahan yang timbul. Malahan undang-undang tersebut bertambah menyukarkan lagi proses penyelesaian masalah di rantau ini. Walau bagaimanapun, dalam hal ini didapati Indonesia merupakan antara negara yang memperoleh banyak keuntungan akibat menandatangani UNCLOS.

**Jadual1: Perbandingan Indonesia dan negara-negara Jiran\***

Negara	Daratan (Km Persegi)	Kawasan Pantai (KM)	Continental Shelf (sq. Km)	EEZ (sq. Km)
<b>Indonesia</b>	1,905,000	60,000	2,768,800	5,408,000
<b>Australia</b>	7,686,300	36,740	2,636,000	7,006,500
<b>India</b>	3,280,500	9,000	45,500	20,14,000
<b>Malaysia</b>	329,700	3,430	372,440	475,600
<b>Papua N. G</b>	461,700	5,000	-	-
<b>Filipina</b>	115,830	15260	247120	1,890,700
<b>Singapura</b>	600	60	470	300
<b>Thailand</b>	514,000	2,960	256,100	324,700
<b>Vietnam</b>	332,600	2,720	559,550	722,100

\* Angka yang ditunjukkan merujuk kepada keadaan sebelum keputusan Sipadan dan Liigitan dan isu Timor-Timur. Sumber: Forbes. (1995: 2).

Walaupun ia tidak menandatangani keempat-empat Geneva Convention 1985 (Konvensyen Laut Pertama), namun negara tersebut telah mengesahkan penerimaan ke atas UNCLOS 1982. Indonesia bertindak menerima UNCLOS pada 3 Februari 1986 dan ini menjadikannya negara ke-26 menandatangani konvensyen ini. Hasilnya melalui penerimaan ini menyebabkan Indonesia mampu meluaskan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) sehingga mencapai 1,566,300 batu nautika persegi (sq. nm) (Forbes, 1995). Malah Indonesia juga menekankan sebagaimana diterangkan oleh Hanlon, “..that every coastal nation was entitled to a continental shelf of 200 nautical miles irrespective of whether the continental shelf exist or not” (Hanlon, 2009).

Menurut La Ode M. Kamaluddin dari Dewan Maritim Indonesia, selepas isu Sipadan dan Ligitan diselesaikan antara Malaysia dan Indonesia melalui Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), masih banyak di antara pulau-pulau ini yang tidak berpenghuni, tidak mempunyai nama dan terdedah kepada masalah pertikaian dengan negara lain. Dalam hal ini dianggarkan sejumlah 6,000 buah pulau di Indonesia ini yang sehingga kini masih tidak mempunyai nama (Forbes, 1995). Keadaan ini juga menunjukkan bahawa Indonesia seolah-olah tidak serius dalam memastikan keselamatan maritimnya terjaga kerana ketiadaan nama ke atas pulau-pulau ini pastinya akan menimbulkan masalah daripada segi bukti tuntutan ke atas pulau tersebut. Lebih membimbangkan kerajaan Indonesia ialah apabila terdapat antara pulau-pulau yang dimiliki ini bersempadan dengan negara-negara lain di rantau ini. Daripada jumlah keseluruhan pulau-pulau ini, sebanyak 83 pulau milik Indonesia berada di sempadan 10 negara jiran Indonesia dan majoritinya tidak dimajukan oleh pihak Indonesia kerana tiada kepentingan daripada segi sumber ataupun strategik.

Satu risiko yang bakal ditanggung oleh Indonesia adalah kehilangan pulau-pulau ini kepada negara-negara jirannya. Ini kerana, kebanyakan daripada pulau-pulau yang bertindih ini lebih cenderung dimiliki oleh negara lain. Pulau Miangas misalnya, merupakan pulau yang terletak bersempadan dengan Filipina. Sebahagian besar daripada penduduknya lebih banyak mirip dan banyak menjalin hubungan dengan warga Filipina berbanding Indonesia. Oleh itu, kemungkinan untuk pulau ini dimiliki oleh Filipina adalah besar kerana faktor-faktor yang

disebutkan di atas (Ramli, 2005). Sementara itu, Pulau Pasir yang terletak berhampiran dengan Kepulauan Christmas di perairan Nusa Tenggara Timur (NTT) yang didakwa dimiliki oleh Indonesia pula turut didakwa oleh kerajaan Australia sebagai miliknya. Ini kerana jumlah penduduk Australia yang sering melawat atau tinggal di kawasan tersebut adalah sangat tinggi. Manakala Pulau Mapia yang bersempadan dengan Palau, Irian Barat menganggap mereka sebahagian daripada orang Palau dan sebaliknya bukan warga Indonesia. Kesemua masalah persempadanan Indonesia ini merupakan cabaran yang berat kepada kerajaan Indonesia. Malahan terdapat keimbangan di Indonesia sendiri bahawa negara tersebut bakal berhadapan dengan banyak masalah termasuk kehilangan pulau-pulau ini kepada negara jiran. Di Kalimantan misalnya, menurut Ketua Bahagian Perbatasan dan Pengembangan Wilayah, Biro Pemerintahan Kalimantan Timur, M. Tarno Seman, terdapat lebih kurang 138 pulau yang tidak mempunyai nama. Hanya terdapat lebih kurang 248 buah pulau sahaja yang telah dinamakan.

Bukan setakat itu, sehingga kini Indonesia mempunyai beberapa buah pulau yang bertindih dengan negara-negara ini dan masih menjadi pertikaian antara kerajaan Indonesia dengan negara-negara lain. Antara pulau-pulau tersebut adalah seperti Pulau Batek yang terletak di sempadan Indonesia-Timor Timur', 12 buah pulau Pulau Rondo (NAD) yang bersempadan dengan India, Pulau Berhala (Sumut) bersempadan dengan Malaysia, Pulau Sebatik (Kalimantan Timur) bersempadan dengan Malaysia, Pulau Nipa (Riau) bersempadan dengan Singapura, Pulau Sekatung (Riau) bersempadan dengan Vietnam, Pulau Miangas dan Pulau Marore (Sulut) bersempadan dengan Filipina, Pulau Fani, Pulau Fanildo, Pulau Bras (Papua New Guinea) bersempadan dengan Palau, Pulau Asutubun dan Pulau Wetar (Maluku Tenggara) bersempadan dengan Timor Leste dan Pulau Batek (Nusa Tenggara Timur atau NTT) bersempadan dengan Timor Leste.

Keseluruhan pulau-pulau ini adalah terletak di 18 wilayah dan 34 kabupaten meliputi Kepulauan Riau (20 buah pulau), Maluku (18 buah pulau), Sulawesi Utara (11 buah pulau), Papua New Guinea (19 buah pulau), Nanggro Aceh Darussalam (6 buah pulau), NTT (5 buah pulau), Kalimantan Timur (4 buah pulau), Sulawesi Tengah, Sumatera Utara, dan Jawa Timur (3 buah pulau), Bengkulu dan Sumatera Barat (2 buah pulau), Nusa Tenggara Barat, Maluku Utara, Jawa Tengah, Jawa Barat, Banten, dan Lampung (masing-masing satu pulau). Selain itu, kebanyakan daripada pulau-pulau ini adalah mempunyai keluasan sekitar 0,02-200 kilometer persegi dan hanya 50 peratus daripadanya yang berpenghuni.

Keadaan di atas jelas menunjukkan bahawa sememangnya Indonesia mempunyai masalah yang besar dalam menguruskan sejumlah besar pulau-pulau ini. Keadaan diburukkan lagi apabila Jakarta berhadapan dengan ancaman pemisahan dari beberapa wilayah seperti Timor Timur, Aceh, Papua, Riau dan Maluku Selatan (Kingsbury & Aveling, 2004: 1-3). Timor Timur ekoran desakan antarabangsa memaksa Presiden Habibie tunduk dan mengizinkan diadakan satu referendum penentuan nasib sendiri pada Ogos 1999 (Kingsbury & Aveling, 2004:

2 dan Brown. 2003: 231). Sebuah entiti merdeka Timor Leste telah terbentuk pada 20 Mei 2002. Pergolakan di Aceh yang telah mengorbankan banyak jiwa telah bermula pada 1976 oleh Gerakan Aceh Merdeka diketuai oleh Hasan DiTiro. Tsunami pada Disember 2004 telah membawa pihak yang berkonflik untuk berdamai pada 15 Ogos 2005 apabila perjanjian keamanan telah termeterai.

Malahan, sesetengah pihak berpendapat bahawa Indonesia sememangnya tidak mampu menguruskan wilayahnya kerana pengurusan ini memerlukan sejumlah besar belanjawan kewangan. Oleh itu, tidak menghairankan apabila Timor-Timur boleh bebas daripada pengaruh Indonesia kerana sikap kerajaan tersebut yang tidak melihat kepentingan yang wujud di Timor-Timur. Dalam kes Ambalat/Laut Sulawesi, hal yang sama turut berlaku kerana tidak terdapat sebarang usaha oleh kerajaan Indonesia untuk mentadbir wilayah ini.

### **Penyelesaian Sempadan Maritim Indonesia**

Apabila memperkatakan soal maritim di Indonesia, didapati negara tersebut menjadi antara negara yang terawal di rantau ini yang mempunyai polisi mengenai bidang kuasa ke atas wilayah laut dan negara kepulauan. Sepanjang abad ke 19, Kerajaan Hindia Belanda tidak pernah menunjukkan minat mendalam ke atas jurisdiksi laut bertentangan wilayah daratnya di Indonesia sehingga ketibaan pencari mutiara dari Australia pada 1880-an (Butcher. 2009: 30). Hasilnya pada 1902, pihak Belanda mengumumkan hanya pihak berkuasa di Batavia yang mempunyai kedaulatan ke atas laut. Berikutnya ordinan Territorial Sea and Maritime District telah dikeluarkan pada 1935 dan ikuti satu lagi ordinan pada 1939 iaitu yang terakhir dikemukakan Belanda sebelum perang di Eropah.

Selain itu pada Oktober 1956, satu titik penting dalam sejarah maritim Indonesia apabila sebuah jawatankuasa antara-jabatan (interdepartmental committee) ditubuhkan oleh Perdana Menteri Ali Sastroamijoyo. Hasilnya pada 13 Disember 1957 Indonesia mengumumkan polisi baru berkait dengan wilayah laut dan negara kepulauan yang dikenali sebagai Deklarasi Djuanda (Butcher, 2009: 33-40). Dalam deklarasi ini ia menjelaskan bahawa,

*....all waters surrounding, between and connecting the islands constituting the Indonesian state ... are integral parts of the territory of the Indonesian state and, therefore, parts of the internal or national waters which under the exclusive sovereignty of the Indonesian state* (Butcher. 2009: 39)

Melalui pengumuman ini, maka beberapa peruntukan yang terdapat dalam polisi mengenai laut sebelumnya iaitu *Territoriale Zee and Maritieme Kringen Ordonnantie* (Territorial Sea and Maritime Districts Ordinance) 1939 telah terbatal. Oleh itu, wilayah kelautan (territorial sea) telah diperluaskan daripada 3 (tiga) kepada 12 batu nautika (Butcher. 2009: 34 dan . Forbes, 1995). Selain itu, juga beberapa perkara-perkara lain turut diutamakan misalnya berkait dengan kuasa kerajaan tempatan dalam menguatkuasakan undang-undang perikanan di negara

tersebut. Dalam beberapa kes didapati penguasaan ini mencapai sehingga 6 batu di luar daripada kawasan pantai.<sup>3</sup> Keadaan ini menyebabkan deklarasi ini ditentang oleh banyak pihak. Amerika merupakan antara negara terawal yang menyatakan bangkangannya ke atas deklarasi ini. Seterusnya pada 3 Januari 1958, tiga hari selepas protes Washington, Britain memaklumkan bahawa konsep yang maritim yang digunakan oleh kerajaan Indonesia in tidak sah dan tidak terpakai kepada mana-mana warganegara, kapal-kapal atau kapal terbang milik British. Protes ini tidak berhenti di situ sahaja kerana ia turut melibatkan negara-negara lain. Australia misalnya memulakan protesnya pada 3 Januari 1959, Belanda (7 Januari), Perancis (8 Januari) dan New Zealand (11 Januari). Amerika sekali lagi mengulangi tentangannya terhadap deklarasi ini semasa sesi pertama sesi UNCLOS I di Geneva pada 1958 di mana perwakilan Amerika menyatakan;

*The Committee should bear in mind that whatever was added to an individual State's territorial waters must inevitably be subtracted from the high seas, the common property of all nations. For example, if islands were treated as an archipelago and a twelve-mile belt was drawn round the entire archipelago according to the straight baseline system, then areas of the high seas formerly used by ships of all countries would be unilaterally claimed as territorial waters or possibly even internal waters. It would be a misnomer to describe such restrictions on the free use of the high seas as 'progressive' measures (UNCLOS, 1958).*

Oleh itu, bagi menjamin kuasa-kuasa maritim yang lain dan memastikan perdagangan luar Indonesia sentiasa terjamin, deklarasi ini memberikan jaminan bahawa sebarang aktiviti ekonomi oleh kapal-kapal asing di wilayah maritim Indonesia adalah terjamin selagi ia tidak mengganggu kedaulatan dan keselamatan negara Indonesia. Selain itu, melalui regim ini juga, Indonesia berusaha melaksanakan beberapa pendekatan lain misalnya berkait dengan pengangkutan dan pelayaran, alam sekitar dan sebagainya (Djalal, 1995). Seterusnya pada 1969, Indonesia mengeluarkan *Declaration on the Indonesian continental shelf*. Pada tahun yang sama iaitu pada 7 November 1969, Indonesia dan Malaysia menandatangani perjanjian yang dikenali sebagai *Agreement to Delimit continental shelf* antara kedua-dua buah Negara (Forbes, 1995).

### **Perjanjian Sempadan Maritim Indonesia**

Bagi sesetengah kawasan, konfigurasi geografi bermakna sempadan perlu dirundingkan secara bukan bilateral tetapi trilateral (Oegroseno. 2009: 54). Sehingga kini, Indonesia telah menghasilkan perjanjian dengan kesemua negara jiran kecuali Timor Leste dan Palau. Manakala perjanjian melibatkan sempadan maritim bersama telah dibuat dengan dua buah negara iaitu Australia dan Papua New Guinea (Oegroseno, 2009: 54).

### ***Indonesia-Malaysia***

Tiga perjanjian telah dibuat antara kedua buah negara berhubung batasan sempadan maritim. Yang pertama merupakan perjanjian berkaitan membatasi sempadan pelantar benua di Selat Melaka dan Laut Natuna yang telah dimeterai di Kuala Lumpur pada 27 Oktober 1969 serta telah diratifikasi oleh Dikri Presiden No. 86/1969. Yang kedua berhubung membatasi laut wilayah di Selat Melaka yang telah dimetrai di Kuala Lumpur pada 17 Mac 1970 dan diratifikasi oleh Law No. 2/1971. Manakala yang ketiga merupakan perjanjian trilateral melibatkan Indonesia, Malaysia dan Thailand mengenai sempadan pelantar benua di bahagian utara Selat Melaka yang juga telah dimeterai di Kuala Lumpur pada 21 Disember 1971 dan telah diratifikasi oleh Dikri Presiden No. 20/1972.

### ***Indonesia-India***

Tiga perjanjian telah dibuat antara kedua buah negara. Yang pertama berhubung Sempadan Pelantar Benua di Selat Besar antara Sumatera dan Pulau Nicobar (Laut Andaman) yang telah dibuat di Jakarta pada 8 Ogos 1974. Perjanjian ini telah diratifikasi oleh Dikri Presiden No. 31/1974. Yang kedua berhubung Perluasan Sempadan Pelantar Benua di Laut Andaman dan Lautan Hindi telah dimetrai di New Delhi pada 14 Januari 1977 dan diratifikasi oleh Dikri Presiden No. 26/1977. Yang ketiga melibatkan Indonesia, India dan Thailand bagi menentukan titik persimpangan dan batasan sempadan ketiga-tiga negara di Laut Andaman. Perjanjian juga telah dimeterai di New Delhi pada 22 Jun 1978 serta diratifikasi oleh Dikri Presiden No. 24/1978.

### ***Indonesia-Australia***

Tiga perjanjian juga telah berjaya dibuat antara kedua buah negara. Yang pertama, Agreement Establishing Certain Seabed Boundaries melibatkan Laut Arafura yang telah dimetrai di Canberra pada 18 Mei 1971 dan telah diratifikasi oleh Dikri Presiden No. 42/1971. Yang kedua merupakan perjanjian tambahan melibatkan bahagian barat Laut Arafura dan juga sebahagian daripada sempadan Laut Timor. Ia ditandatangani di Jakarta pada 9 Oktober 1972 dan diratifikasikan melalui Dikri Presiden No. 66/1972. Ketiga, Agreement Establishing EEZ Boundary and Certain Seabed Boundaries bermula di Laut Arafura dan Lautan Hindi di selatan Jawa. Ia ditandatangani pada 14 Mac 1977 (Oegrosene, 2009: 54-56).

Selain itu, terdapat beberapa perjanjian lain yang penting dalam melihat perkembangan wilayah maritim di Indonesia. Jadual di bawah menunjukkan perjanjian sempadan maritim yang pernah ditandatangani di antara Indonesia dan beberapa negara yang berjiran dengan Indonesia.

Melalui jadual 2, jelas menunjukkan bahawa walaupun Indonesia mempunyai sempadan dengan lebih kurang 10 buah negara, namun Jakarta sejak awal lagi sebenarnya telah berusaha mengatasi masalah ini melalui perjanjian-perjanjian dengan negara jiran ini. Namun, tidak kesemua masalah ini dapat diselesaikan melalui perjanjian yang ditandatangani kerana seperti yang disebutkan di atas, didapati bahawa Indonesia masih mempunyai masalah

sempadan dengan negara-negara lain. Sehingga kini, misalnya Indonesia masih berusaha untuk membincangkan masalah-masalah yang berlaku bagi mengurangkan ketegangan ke atas pulau-pulau yang dituntut.

**Jadual2: Perjanjian Sempadan Maritim Indonesia dan Negara-negara Jiran**

Tarikh Ditandatangani	Tarikh Berkukuasa	Negara	Jenis Sempadan
27-10-69	07-11-68	Malaysia	Pelantar Benua
17-03-70	08-10-71	Malaysia	Wilayah Kelautan
18-05-71	08-11-73	Australia	Seabed
17-12-71	16-07-73	Thailand	Pelantar Benua
21-12-71	16-07-73	Malaysia/Thai	<i>Tri-junction point</i>
09-10-71	08-11-73	Australia	Seabed
25-05-73	29-08-74	Singapura	Wilayah
12-02-73	26-11-74	Australia (PNG)	Seabed & Wilayah laut
08-08-74	17-12-74	India	Pelantar Benua
11-12-75	18-02-78	Thailand	Pelantar Benua
14-01-77	15-08-77	India	Pelantar Benua/EEZ
22-06-78	02-03-79	India/Thai	Pelantar Benua
13-12-80	10-07-82	PNG	Wilayah laut / Pelantar Benua
29-10-81	01-02-82	Australia	Garis Menangkap Ikan
11-12-89	09-02-91	Australia	Zon Kerjasama

Sumber: Forbes (1995: 19).

Sejak 1969, Indonesia telah membincangkan lebih daripada 16 isu berkait dengan sempadan maritim dengan negara-negara jirannya. Malahan dalam beberapa kes, didapati bahawa rundingan yang dijalankan ini membawa hasil yang memberangsangkan terutamanya dengan negara-negara seperti Australia, India, Malaysia, Papua New Guinea, Singapura dan Thailand. Walau bagaimanapun, masih terdapat bahagian sempadan maritim Indonesia ini yang sedang dalam rundingan antara negara-negara ini. Antaranya ialah Indonesia dan Australia berkait dengan isu sempadan di Lautan Hindi, Indonesia dan Malaysia di Ambalat/Laut Sulawesi, Indonesia dan Filipina di Laut Sulu dan Indonesia dan Vietnam di bahagian selatan Laut China Selatan (Forbes, 1995). Isu Ambalat/Laut Sulawesi yang memuncak dan menjadi isu tegang dalam hubungan Indonesia-Malaysia pada tahun 2005, misalnya merupakan salah satu komponen dalam rundingan kedua-dua buah negara ini yang termasuk dalam rundingan di Laut Sulawesi (Ramli, Wan Shawaluddin & Bazley Bee, 2007: 103). Walaupun belum mencapai sebarang kata sepakat mengenai hal ini, namun usaha-usaha seperti ini pastinya akan membawa kepada hubungan yang baik antara kedua-dua buah negara ini.

Selain itu, Indonesia turut mempunyai beberapa undang-undang lain berkait dengan undang-undang Marin dan pesisir pantai. Antara undang-undang tersebut adalah seperti Undang-Undang No. 4 1960 *Indonesian Territorial Waters*; Undang-Undang No. 8 1996 *Indonesian Territorial Water*; Undang-Undang No. 5 1983 *Indonesian Exclusive Economic Zone*; Undang-Undang No. 1 1983 *Ratification of*

*the Treaty between Malaysia and Indonesian relating the legal Regime of Archipelagic State; Undang-Undang No. 17 1985 Indonesia's Ratification of the LOS Convention* dan beberapa undang-undang lain (Agoes. 1997: 201-224). Kesemua undang-undang ini dilihat amat penting dalam mentadbir kawasan laut Indonesia. Hakikatnya walaupun wujudnya undang-undang ini, namun Indonesia masih belum berjaya mengawal keseluruhan wilayah laut yang terdapat di negara tersebut dan ini sering membawa kepada masalah yang besar kepada negara tersebut lebih-lebih lagi apabila melibatkan hubungan dengan negara lain.

### Kuasa Ketenteraan dalam Konflik Sempadan Maritim

Penggunaan kuasa ketenteraan merupakan fenomena biasa dalam menyelesaikan sesuatu isu sama ada ia melibatkan isu sempadan maritim dan sebagainya di seluruh dunia.<sup>4</sup> Dalam konteks Indonesia, penggunaan kekuatan ketenteraan merupakan satu daripada pendekatan penyelesaian konflik tuntutan bertindih. Dalam hal ini, perlu diingat bahawa sebelum insiden Ambalat/Laut Sulawesi ini berlaku, Indonesia turut menggunakan kekuatan ketenteraan dalam menuntut kawasan-kawasan lain di seluruh wilayah negara tersebut. Salah satu daripada kawasan utama berlakunya konflik ini adalah pertindihan kawasan di Pulau Natuna. Kepulauan Natuna yang terletak 750 batu ke utara Jakarta, iaitu di wilayah Riau, 150 batu di barat laut Borneo menjadi isu besar di antara Indonesia, Vietnam dan China. Di samping itu, Malaysia dan Vietnam juga menuntut kawasan ini. Namun pada 1969, Malaysia dan Indonesia menandatangani perjanjian menghadkan *continental shelf boundaries*, dan ini akhirnya mengeluarkan Kuala Lumpur daripada pertikaian di kepulauan Natuna (Ramli & Ahmad Tajuddin, 2004).

Sejak gas cecair (LNG) ditemui dengan jumlah yang besar di kepulauan Natuna pada 1970an, kawasan ini dilihat semakin berharga kepada Indonesia. Kawasan ini dianggarkan mempunyai simpanan gas berjumlah 222 trillion cubic feet, dan dipercayai 75 peratus boleh dikomersialkan. Pada Julai 1995, syarikat minyak Indonesia, Pertamina menandatangani kontrak dengan syarikat Amerika, Exxon untuk membangunkan kawasan ini. Tahun-tahun 1980an memperlihatkan beberapa usaha di antara Indonesia dan Vietnam untuk mengadakan beberapa siri perundingan mengenai hal ini, tetapi gagal mencapai persetujuan.

Dalam hal ini, Indonesia tidak menganggap isu dengan Vietnam ini sebagai isu yang besar kerana ancaman daripada China ke atas kawasan ini dianggap lebih serius. China mula menuntut kawasan Laut China Selatan dan Natuna apabila negara tersebut mengeluarkan petanya pada 1947. Seterusnya pada 1976, Republik Rakyat China menyatakan bahawa keseluruhan Laut China Selatan adalah wilayah China (Djalal, 1995). Berhadapan dengan keadaan ini Indonesia meningkatkan kekuatan tenteranya untuk menghalang sebarang kemungkinan ancaman dari China. Di samping itu, Indonesia telah mengadakan latihan militer secara besar-besaran melibatkan 30,000 anggota tentera bagi berhadapan dengan segala ancaman atau pencerobohan dari utara. Menteri Pertahanan Indonesia, Jeneral Yusuf, semasa di Parliment Indonesia pada 1980 mengumumkan bahawa

'tentera Indonesia tidak dapat mengelakkan pertempuran di laut yang mungkin berlaku di Laut China Selatan' (Ghoshal 1991: 9-10).

Pada 1980, Menteri Pertahanan Indonesia, memberi amaran kepada Parlimen Indonesia bahawa pertikaian di Pulau Natuna akan memberikan impak yang besar terhadap keselamatan negara dan ia mungkin mampu membawa konflik ketenteraan kerana kekayaan sumber yang terdapat di kawasan ini (Storey, 2000). Seterusnya pada 1991, Menteri Luar Indonesia pada masa itu, Ali Alatas memberikan amaran bahawa kawasan ini bakal menjadi *the next potential conflict area*. Keadaan ini menjadi semakin jelas pada 1993 apabila China enggan bekerjasama dalam satu bengkel berkait dengan Laut China Selatan yang dianjurkan di Surabaya oleh Indonesia sebaliknya China bertindak menuntut keseluruhan kawasan di Laut China Selatan termasuk juga kepulauan Natuna yang dituntut oleh Indonesia (Johnson, 1997). Meskipun Indonesia telah menjalin hubungan diplomatik dengan China pada tahun-tahun 1990an, namun ia masih tidak dapat menyelesaikan masalah ini.<sup>5</sup>

Pada Jun 1995, Menteri Luar China, menyatakan bahawa ia tidak menuntut Natuna dan menyatakan bahawa kedua-dua pihak perlu menyelesaikan masalah ini dengan cara menghadkan sempadan maritim mereka melalui rundingan bilateral. Menteri Luar Indonesia, Ali Alatas menyatakan bahawa Indonesia tidak akan berkompromi dengan China dalam hal ini di samping menyatakan 'China terletak jauh di utara'. Pada Julai 1995, Alatas bertemu dengan Qian Qichen dan menurutnya Qichen bersetuju bahawa 'Natuna milik Indonesia. China tidak pernah menuntut kepulauan Natuna'. Namun, ia tidak selesai di situ sahaja apabila China pada 1996 memanjangkan garisan tuntutannya. Oleh itu, Jakarta sangat bimbang kerana ini sebenarnya memasukkan Spratly<sup>5</sup> dan kemungkinan besar juga Natuna. Indonesia bertindak menghantar nota bantahan namun ianya tidak diendahkan oleh pihak China (McBeth 1996).

Semasa memberikan kontrak Crestone, ABRI mengumumkan akan meningkatkan kemampuan tentera lautnya untuk mengawal kepulauan Natuna. Oleh itu, pada 1992, Indonesia bersetuju membeli 39 kapal perang yang sebelum ini dimiliki oleh tentera laut Jerman Timur. Pemerintah Tertinggi ABRI, Try Sutrisno menyatakan pembelian ini akan membantu Indonesia meningkatkan kemampuan untuk mengawal wilayah maritim Indonesia. Pada 1993, tentera udara Indonesia membeli 24 Hawk (untuk serangan darat) dari Britain. 1996, menambahkan bilangannya dengan menempah 16 lagi kapal jenis ini dengan matlamatnya untuk mengawal kepulauan Natuna. Hal ini dinyatakan sendiri oleh Jeneral Feisal Tanjung.<sup>7</sup> Pada 1997, Indonesia mengumumkan membeli 12 Su-30 dari Russia untuk diletakkan di Ujung Pandang di Sulawesi bagi menguatkan pertahanan untuk melindungi kepulauan Natuna.<sup>8</sup> Pada September 1996, ABRI menjalankan latihan ketenteraan semua peringkat secara besar-besaran di kepulauan Natuna melibatkan 19,000 tentera, 40 pesawat pejuang, dan 50 buah kapal perang.<sup>9</sup> Sehingga kini, tentera Indonesia adalah antara yang terbesar di rantau Asia Tenggara dengan jumlah tenteranya adalah 42,000- 47,000 orang, 13 Frigat, 16 corvettes, 2 kapal selam, 12 bot pengawal dan 13 kapal penyapu periu api, 2 briged marin dan 28 kapal pendarat (Møller, 2001).

Selain itu pada 1996, Indonesia menjalankan latihan ketenteraan terbesar melibatkan semua jenis perkhidmatan di kawasan berhampiran kepulauan ini. Tindakan ini dilihat sebagai isyarat mengenai pendirian Indonesia yang tidak akan berdiam diri dalam soal yang berkait dengan keadaan di kepulauan Natuna. Dalam latihan ini lebih 19,000 anggota tentera, 50 kapal perang dan 40 pesawat pejuang mengambil bahagian dalam latihan ini. Sebelum ini, latihan yang sama juga berlaku 2 kali di barat dan Timur Jawa pada 1988 dan 1992. Wakil Menteri Luar China, Shen Guofeng pada 5 September menyatakan bahawa latihan ketenteraan Indonesia dan Malaysia di luar pantai Kalimantan hanya akan memburukkan situasi di kawasan yang dituntut. Perancang pertahanan di Indonesia menyatakan bahawa negara tersebut dalam proses untuk menguatkan sistem pertahanan menggunakan kemampuan *amphibious* dan kapal bantuan jika terdapat sebarang kemungkinan yang berlaku di Natuna. Antara yang dicadangkan adalah seperti mewujudkan 12,000 anggota *Marine Corps* dan Kostrad (McBeth, 1996). Dengan kemampuan tentera laut, darat dan udara yang dimiliki oleh Indonesia, negara ini dikatakan mampu mencabar kemampuan tentera laut China dan Vietnam di kawasan ini (Ramli & Ahmad Tajuddin, 2004). Jelas pendekatan yang digunakan oleh Indonesia untuk memastikan agar pihak-pihak ini yang terlibat dalam tuntutan ini tidak sewenang-wenangnya menceroboh kawasan tersebut.

Namun, isu Natuna ini juga jelas menunjukkan bahawa Indonesia sebenarnya sangat terdedah kepada masalah yang berkait dengan sempadan maritim dengan negara lain. Lebih buruk lagi apabila pemerintah Indonesia sendiri tidak menganggap bahawa pulau-pulau yang sepatutnya dimilikinya ini merupakan kawasan yang penting kepada mereka. Kesedaran tentang perlunya memelihara kawasan ini hanya timbul jika berlaku kes-kes seperti Ambalat/Laut Sulawesi yang melibatkan keuntungan minyak dan gas.

### **Pengajaran Kepada Malaysia**

Pengalaman Indonesia berhadapan dengan isu maritim ini perlu dijadikan pengajaran kepada Malaysia terutamanya dalam usaha memastikan keselamatan dan kedaulatan maritim negara ini. Pertama, Malaysia perlu sedar bahawa ia memiliki banyak pulau yang tidak mempunyai nama. Dalam konteks Sabah sahaja misalnya, lebih daripada 250 buah pulau yang tidak mempunyai nama.<sup>10</sup> Daerah Tawau misalnya mewakili daerah di Sabah yang paling tertinggi tidak mempunyai nama iaitu lebih kurang 55 buah pulau (Kerajaan Malaysia, 2005: 43-76) Perkara seperti ini perlu diberikan perhatian yang serius. Hal ini kerana tanpa memberikan nama ke atas pulau-pulau ini ia akan menimbulkan satu masalah kepada negara jika berlaku sebarang isu yang melibatkan kepentingan ke atas pulau tersebut. Walaupun tidak dinafikan bahawa terdapat di antara pulau-pulau ini merupakan pulau yang sangat kecil dan tidak mempunyai potensi yang besar, namun pihak berkuasa perlu mengambil tindakan yang bersungguh-sungguh dalam melihat isu ini. Perkara yang dibimbangkan ialah apabila kerajaan hanya akan mengambil berat isu ini hanya apabila munculnya isu-isu besar yang melibatkan tuntutan

bertindih dengan negara lain atau apabila berlaku penemuan sumber galian berharga seperti minyak. Kerajaan perlu belajar daripada pengalaman kes Ambalat/Laut Sulawesi, Batu Putih dan tuntutan di Spratly. Selain itu, pengalaman Indonesia yang tidak menamakan lebih daripada 6,000 buah pulau perlu diberikan perhatian serius.<sup>11</sup> Dalam konteks Malaysia isu ini juga perlu diberikan pertimbangan kerana ia juga mampu mengundang masalah jika tidak diuruskan dengan baik. Namun, lanjutan daripada masalah pulau tanpa nama ini, pada pertengahan 2011, kerajaan telah mengumumkan bahawa ia dalam usaha untuk menyelesaikan pulau-pulau yang tidak mempunyai nama ini.

Kedua, kerajaan Malaysia juga perlu meneruskan dasar penyelesaian sebarang isu melalui saluran diplomasi. Dalam hal ini kerajaan perlu terlibat secara langsung dalam soal ini sama ada di peringkat bilateral ataupun di peringkat serantau, misalnya melalui ARF, ASEAN dan sebagainya bagi mengatasi masalah yang berlaku serta mencari jalan menyelesaikan masalah ini melalui pelbagai saluran misalnya *joint ventures*, *joint development* atau mungkin membawa isu ini ke ICJ bagi sekiranya Malaysia merasakan ia bersedia dalam hal ini. Namun, dalam hal ini kerajaan mempunyai tanggungjawab yang besar bagi memastikan bahawa kepentingan nasional Malaysia terjamin. Hanya jika saluran-saluran diplomasi ini, sama ada yang dijalankan melalui pendekatan bilateral atau multilateral gagal, kerajaan perlu bersedia untuk menggunakan kuasa ketenteraan, sebagai jalan terakhir.

Ketiga, kerajaan Malaysia perlu memberikan pertimbangan kepada pemodenan ketenteraan di negara ini. Walaupun pemodenan ketenteraan dilihat hanya mampu mewujudkan dilema kepada negara lain dan mampu meningkatkan konflik,<sup>12</sup> namun pemodenan ini perlu selari dengan negara-negara jiran lain. Pemodenan ketenteraan ini dilihat perlu untuk tujuan tersebut sekurang-kurangnya ‘menunjukkan’ kepada negara lain bahawa kita bersungguh-sungguh dalam tuntutan ini. Pengalaman di Ambalat/Laut Sulawesi, misalnya perlu dijadikan iktibar berkait dengan hal ini kerana kedua-dua pihak (Malaysia dan Indonesia) menunjukkan kekuatan ketenteraan masing-masing. Walaupun matlamatnya untuk menunjukkan kemampuan ketenteraan dan tidak ada niat untuk mencetuskan perperangan, namun insiden-insiden pertembungan ketenteraan yang tidak disengajakan<sup>13</sup> ataupun tindakan kapal-kapal perang asing yang memasuki negara dengan tidak disengajakan (*Daily Express (Sabah)*, 07 March 2005; *Liputan SCTV* (6), 2005; *Media Indonesia Online*, 2005), boleh mencetuskan provokasi dan perperangan dan keadaan-keadaan seperti ini mungkin boleh tercetus (Ramli, 2005). Dalam hal inilah, pemodenan ketenteraan negara dilihat perlu sebagai satu cara menuntut wilayah ini. Malahan sarjana seperti Dewi Fortuna Anwar sendiri mengakui kepentingan saluran diplomasi dalam pengurusan konflik seperti ini. Walau bagaimanapun dalam masa yang sama kuasa ketenteraan ini perlu sebagai cara menyokong saluran diplomasi ini (*Jakarta Post*, 2005). Dalam hal ini, apa yang dilakukan oleh kerajaan pada masa ini melalui pembelian kapal selam, bagi penulis merupakan satu pelaburan jangka panjang yang bijak bagi menjamin keselamatan dan kedaulatan negara.

Selain itu, kerajaan Malaysia juga perlu memikirkan untuk menempatkan tentera di pulau-pulau yang kita miliki terutama yang kedudukannya di sempadan dengan negara jiran sebagai tanda pengurusan yang efektif ke atas kawasan yang dimiliki. Ternyata beberapa insiden lepas menunjukkan kita cuma akan bertindak apabila timbul isu. Contoh yang jelas ialah sewaktu berlakunya isu penculikan di Sipadan dan Pandanan pada April 2000 dan September 2000. Dalam peristiwa ini, Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) telah berjaya menyusup masuk ke Pulau Sipadan disebabkan pulau tersebut tidak dikawal oleh pihak tentera (Paul, 2002). Sebaliknya pulau ini cuma dikawal oleh dua orang polis sahaja. Kerajaan pusat telah memberikan reaksi bahawa tindakan untuk meningkatkan kawalan keselamatan akan dipertingkatkan bagi memastikan kejadian ini tidak berulang lagi. Malangnya, tidak sampai beberapa bulan kemudian, KAS telah bertindak sekali di Pulau Pandanan tetapi gagal menculik pelancong sebagaimana sebelum ini.<sup>14</sup> Ekoran kejadian penculikan ini telah menyebabkan kawasan perairan Sabah dianggap tidak selamat oleh beberapa buah kedutaan asing di Malaysia yang kemudian telah mengeluarkan amaran perjalanan kepada pelancong masing-masing agar tidak mengunjungi kawasan-kawasan pulau ini.<sup>15</sup> Hal ini sudah tentu akan membawa kesan negatif kepada pelancongan di Sabah dan Malaysia amnya.<sup>16</sup> Dan apabila berhujah mengenai pertindihan wilayah ini, maka penempatan ketenteraan juga dilihat amat perlu sebagai usaha menunjukkan bahawa negara berusaha menunjukkan komitmennya ke atas kawasan-kawasan terbabit dan ia secara tidak langsung menggambarkan bahawa Malaysia mampu mentadbir kawasan-kawasan terbabit melalui pengawalan ketenteraan. Walau bagaimanapun, sekali lagi penulis berhujah bahawa pembangunan ketenteraan ini bukan bermakna Malaysia ingin berperang, tetapi ia dirasakan perlu bagi mempertahankan kedaulatan Malaysia.

Keempat, kerajaan perlu peka dengan perkembangan semasa yang berlaku di wilayah maritim Malaysia terutamanya yang melibatkan soal kedaulatan Negara dan tuntutan yang berterusan daripada negara jiran. Dalam hal ini, pihak pemerintah perlu memulakan beberapa inisiatif untuk memastikan bahawa negara ini tidak akan mengalami masalah maritim atau sempadan laut dengan negara lain. Dalam hal ini penulis berhujah bahawa tidak ada usaha-usaha yang memberangsangkan dijalankan untuk melihat pembangunan yang menyeluruh di kawasan sempadan/pulau selari dengan kawasan bandar. Salah satu contoh yang jelas ialah isu yang berkait dengan Pulau Sebatik yang memisahkan Sabah (Malaysia) dan Indonesia di sebuah pulau. Mungkin, untuk tempoh terdekat pulau ini tidak akan menimbulkan masalah dengan kerajaan Indonesia, namun siapa tahu penemuan sumber-sumber yang menjadikan pulau ini penting seperti yang berlaku kepada kawasan perairan Ambalat/Laut Sulawesi. Perkara yang dibimbangkan ialah, jika pulau ini dibiarkan begitu sahaja tanpa ada usaha-usaha yang ‘mantap’ untuk membawa pembangunan yang lebih baik kepada pulau ini pulau-pulau/wilayah-wilayah lain di Malaysia, tidak mustahil negara akan kehilangan wilayah seperti ini suatu hari nanti. Selain itu, contoh jelas mengenai pentingnya pembangunan ini dapat dilihat mengenai isu Pulau Pisang, di Johor yang selama ini seolah-olah ditadbir oleh Singapura melalui kewujudan sebuah

rumah api di pulau tersebut. Kebimbangan mula wujud apabila kawasan ini seolah-olah tidak wujud dalam peta Malaysia dan dibimbangkan ia bakal menjadi satu lagi ‘bekas’ pulau-pulau yang dimiliki oleh Malaysia, (sama seperti pulau batu Puteh) jika tidak ada sebarang usaha yang serius di ambil bagi menangani masalah ini.

Kelima, tiba masanya bagi kerajaan menubuhkan Institut/Unit Penyelidikan yang berkait dengan kajian Sempadan samada di universiti atau wujud sebagai ‘think-tank’ kepada kerajaan negeri dan persekutuan. Malahan pusat-pusat penyelidikan ini telahpun wujud di seluruh dunia misalnya International Boundaries Research Unit, (IBRU) di University of Durham dan juga Center for Border Economic Studies (CBEST) di University of Texas-Pan American. Institut seperti ini memainkan peranan yang penting setidak-tidaknya menjalankan segala penyelidikan yang bersangkutan dengan soal sempadan, pembangunan ekonomi di kawasan sempadan dan sebagainya. Menyedari perihal pentingnya faktor sempadan dan isu-isu yang berlaku merentasi sempadan ini, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah sejak tahun 2006 telah mencadangkan penubuhan sebuah unit yang berkait dengan *Unit Sempadan dan Kajian Antarabangsa* yang dilihat sekurang-kurangnya mampu memberikan input berguna mengenai isu-isu berbangkit berkait isu sempadan sama ada ia melibatkan isu keselamatan, ekonomi, alam sekitar ataupun politik melalui kaca mata dan aliran pemikiran yang pelbagai sama ada daripada perspektif Hubungan Antarabangsa, Sejarah, Antropologi dan Sosiologi, Geografi dan sebagainya. Dengan kewujudan institut atau unit-unit seperti ini kelak, ia bukan sahaja wujud sebagai pusat kecemerlangan penyelidikan universiti tetapi diharapkan ia juga mampu menyumbang kepada kepentingan negara terutamanya yang melibatkan kepentingan nasional. Diharapkan melalui penubuhan unit-unit atau institut seperti ini kelak akan mampu mewujudkan ‘perkongsian bijak’ (seperti yang dibincangkan sebelum ini) bersama-sama dengan agensi-agensi kerajaan lain dan universiti-universiti tempatan dan luar negara. Walau bagaimanapun, persoalan ‘political will’ masih menjadi persoalan: sama ada ia akan diterima sebagai satu unit yang bakal memberi input kepada pihak-pihak tertentu atau hanya dilihat sebagai salah satu unit penyelidikan yang bertujuan ‘mencantikkan’ nama universiti terbabit. Di samping itu, isu kewangan pastinya masih menjadi masalah besar untuk unit/institut seperti ini berkembang kerana isu seperti ini hanya menjadi perbualan hangat dan dianggap serius serta memerlukan tindakan segera jika negara berhadapan dengan dilema seperti yang berlaku pada hari ini.

## **Kesimpulan**

Sebagai sebuah negara kepulauan, Indonesia mempunyai kawasan yang sangat luas untuk diurus tadbir iaitu melebihi 18 ribu buah pulau dan 50 (??). Hal ini diburukkan lagi dengan masalah yang dihadapi seperti pulau yang tidak bernama serta mempunyai sempadan dengan sepuluh buah negara yang mampu mencabar kedaulatan wilayah milik Indonesia tersebut. Reaksi Indonesia dalam mencari penyelesaian melalui pembentukan rejim maritim/kelautan termasuk pelantar

benua dan ZEE serta perjanjian dengan negara jiran. Namun kekuatan ketenteraan juga tidak ditolak sebagai satu mekanisme dalam memastikan wilayah yang luas serta besar ini dapat dipertahankan dari segi kepentingan nasional Indonesia. Menyedari akan perkara ini telah menyebabkan Indonesia meningkatkan latihan ketenteraan bagi menghadapi segala kemungkinan dengan negara yang mempunyai niat jahat terhadap Jakarta.

Walaupun itu ini berjaya diselesaikan, namun satu pengajaran yang besar kepada kerajaan Indonesia ialah itu sempadan maritim merupakan perkara pokok yang sangat penting dalam keselamatan wilayah negara tersebut. Malahan ia sepatutnya diberikan prioriti yang paling utama dalam perlaksanaan sebarang polisi di Indonesia. Kegagalan berbuat demikian pastinya akan mengundang pelbagai konflik dan masalah termasuk penggunaan kekuatan ketenteraan seperti yang berlaku dalam kes Ambalat/Laut Sulawesi dengan Malaysia. Walaupun pemimpin-pemimpin Indonesia beberapa kali menyatakan bahawa penggunaan kekuatan ketenteraan ini hanya untuk tujuan pengawalan dan rondaan semata-mata, namun kegagalan untuk mengawal pergerakan tentera di laut ini mungkin mampu membawa kepada perang dengan Malaysia. Kerajaan Indonesia perlu lebih bersyukur kerana Malaysia yang dihadapinya merupakan sebuah negara yang cintakan keamanan dan ingin memelihara tradisi hubungan kedua-dua buah negara ini yang telah mencapai usia beratus-ratus tahun. Ambalat/Laut Sulawesi juga harus dijadikan pengajaran kepada Indonesia bahawa pulau-pulau yang berselerak di negara tersebut perlu diuruskan dengan baik bagi mengelakkan sebarang persengketaan seperti ini berlaku. Bayangkan jika Indonesia terpaksa berhadapan dengan negara yang lebih besar, lebih kuat dari segi ketenteraan seperti India atau Australia. Di pihak Malaysia pula, banyak perkara yang boleh dipelajari daripada pengalaman Indonesia berhadapan dengan masalah maritim di negara tersebut perlu dijadikan pengajaran berguna bagi mengelakkan Kuala Lumpur berhadapan masalah yang sama.

## **Notahujung**

<sup>1</sup>Isu Aceh mula muncul pada 1950an berikutan kemerdekaan Indonesia. Pada tahun-tahun 1950an ini, dibawah kepimpinan Daud Beureueuh, ulama terkenal di Aceh, para penduduk Aceh cuba menjalankan pemberontakan menentang kerajaan pusat di Indonesia dengan matlamat menubuhkan sebuah negara Islam. Namun pemberontakan ini tamat pada lewat 1950an apabila kerajaan bersetuju memberikan Aceh wilayah autonomi dan menubuhkan Universiti Syiah Kuala di Banda Aceh. Walau bagaimanapun, isu ini timbul semula pada pertengahan 1970-an apabila Hasan di Tiro, Diplomat Aceh yang mempunyai hubungan rapat dengan CIA menjadi pemimpin Gerakan Aceh Merdeka (GAM). Namun perjuangan GAM dipatahkan oleh kerajaan dengan menggunakan kekuatan ketenteraan dan Hasan di Tiro melarikan diri ke Sweden. Isu ini tidak berakhir apabila perjuangan GAM masih berterusan dan hanya bersetuju meletakkan senjata mereka pada tahun 2005. (Shiraishi. 2000).

<sup>2</sup>Sehingga tahun 1962, Irian Jaya yang menjadi kawasan terakhir Hindi Timur di rantau ini masih dipegang oleh pihak Belanda diserahkan kepada pihak Indonesia melalui perjanjian yang dikenali sebagai *Dutch-Indonesia Transfer Agreement* melalui persetujuan PBB. Seterusnya pada 1969, PBB membenarkan Irian Barat mengemukakan apa yang dikenali sebagai 'act of free choices' iaitu samada akan terus berada di bawah pengaruh Indonesia atau tidak dan ianya akan dikawal oleh pihak PBB. Namun, persetujuan ini terbatal pada Januari 1965 apabila Indonesia mengumumkan tidak akan menyertai badan dunia tersebut. Seterusnya Presiden Sukarno mengumumkan bahawa 'self-determination' penduduk Irian Jaya ini tidak lagi diperlukan. Walau bagaimanapun, pada 30 September 1965 Sukarno berjaya ditumbangkan dan pada 1966, Indonesia kembali ke PBB. Hasilnya timbul semula 'act of free choices'. Namun, walaupun isu kemerdekaan Irian jaya ini sering dikemukakan, sehingga kini isu ini belum selesai. Untuk lebih lanjut mengenai latar belakang Irian Jaya, sila lihat de Kroef (1970) dan de Kroef. (1968: 691-707).

<sup>3</sup>Di kawasan pesisir pantai ini, penggunaan peralatan moden yang boleh merosakkan alam sekitar dan perikanan adalah diharamkan. Ianya bertujuan untuk melindungi kepentingan penduduk-penduduk yang mempunyai tahap sosio-ekonomi yang lemah. Djalal (1995).

<sup>4</sup>Hal ini dapat dilihat dengan jelas dengan kesemua konflik yang berlaku di seluruh dunia. Antara contoh-contoh utama adalah seperti tuntutan ke atas kepulauan Spratly oleh negara-negara di Asia Tenggara, China dan Taiwan, tuntutan kepulauan Kurile antara Jepun dan Russia, tuntutan pulau Sengkaku antara Jepun dan China serta beberapa kawasan lain di seluruh dunia. Perbincangan lanjut mengenai hal ini juga boleh dilihat dalam Zacher. (2001:215–250).

<sup>5</sup>Hubungan Indonesia-Republik Rakyat China (RRC) banyak dicirikan dengan permusuhan dan rasa curiga-mencurigai semasa era Order Baru di Indonesia. Hubungan hanya terjalin pada awal 1990an. Pada 1967, Soeharto menjadi presiden Indonesia dan menggantung hubungan diplomatic dengan China kerana Indonesia menganggap bahawa China terlibat secara langsung dalam hal-ehwal Gestapu yang berlaku pada 1965, iaitu percubaan oleh PKI untuk merampas kuasa. ABRI dalam hal ini melihat keadaan ini sebagai usaha untuk menukar pemerintahan Indonesia kepada 'communist client state'. Dalam tempoh lebih 20 tahun, hubungan ini berada pada tahap yang buruk lebih-lebih lagi dengan pengaruh Komunis yang semakin menular di rantau ini dan Indonesia mendakwa ianya didalangi oleh China. Oleh itu, tidak menghairankan semasa di bawah pemerintahan Suharto, rakyat berbangsa Cina di Indonesia ditekan dan ditindas serta dikecualikan hak mereka di Indonesia. (Ramli & Ahmad Tajuddin 2004).

<sup>6</sup>Dalam kes di Spratly, walaupun ia tidak terlibat dalam pertikaian di kawasan ini, namun menganggap bahawa keadaan yang berlaku ini mampu mengundang ketidakstabilan rantau ini. Oleh itu tidak menghairankan bahawa Indonesia bertindak menjadi orang tengah dalam pertikaian ini dengan menganjurkan bengkel tahunan bagi mengatasi masalah ini.

<sup>7</sup> Jet-jet pejuang ini akan ditempatkan di Pekanbaru, Sumatra dan Pontianak, Kalimantan Barat untuk persiapan ke atas sebarang kemungkinan yang berlaku di kepulauan Natuna.

<sup>8</sup>Namun, pembelian ini dibatalkan akibat berlakunya krisis ekonomi Asia pada 1999 (Storey. 2000).

<sup>9</sup>Selain daripada usaha-usaha meningkatkan kemampuan ketenteraannya, Indonesia juga melalui proses transmigrasi bertindak menempatkan sejumlah besar penduduknya ke pulau-pulau tersebut dengan harapan ianya akan menjadi satu kekuatan Indonesia dalam menuntut kepulauan tersebut. Pada 1993 misalnya, Menteri Transmigrasi Indonesia mengumumkan akan menghantar 3,000 keluarga ke kepulauan tersebut dan mereka ini akan diberikan kemudahan dan kawasan perladangan di kawasan tersebut.

<sup>10</sup>Sumber Cawangan Khas Polis Di Raja Malaysia sebaliknya mencatatkan terdapat 195 buah pulau di seluruh Sabah. Temubual dengan anggota cawangan berkenaan di IPK, Kota Kinabalu, pada (29/05/2008).

<sup>11</sup>Ini menyebabkan beberapa kawasan ini lebih mirip dimiliki oleh negara lain walaupun ianya dimiliki oleh Indonesia. (Forbes, 1995 dan Ramli, 2005).

<sup>12</sup>John Herz merupakan sarjana yang telah memperkenalkan mengenai konsep ‘Security Dilemma’ yang merujuk bagaimana pembangunan senjata sesebuah negara mampu mengundang pembangunan ketenteraan yang sama di pihak negara lain. (Herz, 1950: 157-158).

<sup>13</sup>Dalam kes Ambalat misalnya, salah satu insiden yang menunjukkan bagaimana insiden ketenteraan yang tidak disengajakan ini berlaku apabila kapal perang dari kedua-dua buah negara bergesel dekat terumbu Karang Unarang. (Utusan, 26 April 2005).

<sup>14</sup>Dalam kejadian di Pulau Sipadan seramai 11 pelancong asing dan 10 rakyat Malaysia telah diculik oleh KAS. Mereka kemudian telah dibebaskan secara berperingkat-peringkat setelah sejumlah tebusan dibayar kepada kumpulan tersebut.

<sup>15</sup>Ternyata jaminan keselamatan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia mengenai keadaan selamat pulau-pulau tersebut tidak diyakini oleh kedutaan-kedutaan asing di Kuala Lumpur yang menyebabkan amaran perjalanan dikeluarkan kepada pelancong dari Negara masing-masing. Temubual penulis dengan pegawai atace konsulat negara asing di Kota Kinabalu pada (5/5/2008).

<sup>16</sup>Insiden Sipadan dan Pandanan memang memberikan kesan negative kepada kunjungan pelancong ke pulau-pulau terbabit. Temubual melalui telefon penulis dengan Cik Diana Gaban pegawai di Sabah Tourism pada (20/05/2008).

## References

- ‘Ambalat: TNI tidak tahu ada perjanjian’, Utusan Malaysia, 26 April 2005.
- ‘Govt urged to seek diplomatic solution over Ambalat’, Jakarta Post, di layari di <http://www.thejakartapost.com> (08.03.2005).
- ‘Indonesia tetap membangun Mercusuar’, Liputan SCTV (6), dilayari di <http://www.liputan6.com> (03.10.2005)
- ‘Malaysia protests Indon naval ship intrusion’, Daily Express (Sabah), 07 March, 2005’
- ‘Pesawat Tentera Malaysia Kembali Langgar Wilayah Laut RI’, Media Indonesia Online, dilayari di <http://www.mediaindo.co.id>, (11.03.2005).
- Agoes, Etty R. (1997). “Current Issues of Marine and Coastal Affairs in Indonesia”, *The International Journal of Marine and Coastal Law*, Vol. 12, No. 2. Hal. 201-224.
- Artjana, I.G., (1993), “The Maritime Priorities of Indonesia” dalam Ross Babbage & Sam Bateman (Eds.), *Maritime Change : Issues for Asia*. St Leonards, NSW: Allen & Unwin Pte Ltd.
- Brown, Colin (2003). *A Short History of Indonesia: The Unlikely Nation?* Singapore: Talisman.
- Butcher, John (2009), ‘Becoming an Archipelagic State: The Juanda Declaration of 1957 and the struggle to gain International recognition of the archipelagic principle’, dalam Robert Cribb dan Michael Ford (Eds), *Indonesia beyond the water’s edge: Managing archipelagic state*, ISEAS.
- Cribb, Robert & Ford, Michelle. (2009). “Indonesia as an Archipelago” Managing Islands Managing the Seas” dalam Robert Cribb & Michelle Ford. (Eds). *Indonesia Beyond the Water’s Edge: managing an Archipelagic State*. Singapore: ISEAS.
- de Kroef, Justus M. Van. (1968). “West New Guinea: The Uncertain Future”, *Asian Survey*, Vol. 8, No. 8, Aug., Hal. 691-707.

- de Kroef, Justus M. Van. (1970). "Australia and the West Irian Problem", *Asian Survey*, Vol. 10, No. 6, June., Hal. 483-500;
- Djalal, Hasjim (1995). "Indonesia and the new Extents of Coastal state Sovereignty and Jurisdiction at sea", dalam Hasjim Djalal. *Indonesia and the Law of the sea*, Jakarta: CSIS.
- Forbes, Vivian L. (1995). *Indonesia Maritime Boundaries*, Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Maritime Affairs.
- Ghoshal, Baladas (1991), "The Arms Race in Southeast Asia", *Swords and Ploughshares*, Vol. V., No. 2.
- Hanlon, Margaret (2009), "Australia-Indonesia Maritime Boundaries"  
<http://www.arts.monash.edu.au/hanlon.pdf> dilayari pada 3 Ogos 2009.
- Herz, John (1950), 'Idealist Internationalism and Security Dilemma', *World Politics*, Vol. 2. *Indonesia*, dilayari di <http://www.internationalsos.com> (08.09.05)
- Indonesian Government, *Indonesia 1996: An Official Handbook* (1995/96), Jakarta: Indonesian Government.
- Johnson, Douglas (1997). 'Drawn into the Fray: Indonesia's Natuna Islands meet China's long gaze south', *Asian Affairs: An American Review*, September 22.
- Kerajaan Malaysia (2005), *Maklumat Keluasan & Perimeter negeri, daerah dan pulau-pulau di Malaysia*, (Kota Kinabalu: Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia).
- Kingsbury, Damian & Aveling, Harry, (Eds.). (2004). *Autonomy and Disintegration in Indonesia*. London & New York: RoutledgeCurzon.
- Kusumaatmadja, Mochtar (1978), *Bunga Rampai Hukum Laut*, Jakarta: Penerbit Binacipta.
- McBeth, John (1996). "Indonesia: Exercising Sovereignty: Indonesia sends a message from Natuna", *Far Eastern Economic Review*, Vol. 159, No. 38, 19 Sep.
- Møller, Bjørn (2001){PRIVATE }. "The Military Aspects of the South China Sea Disputes", dlm, Kivimäki, Timo (ed.), *Territorial Disputes in the South China Sea*. CTS-Conflict Transformation Service, Studies in a Nutshell.
- Oegrosene, Arif Havas (2009), Indoensia's Maritime Boundaries, dalam Robert Cribb dan Michael Ford (Eds), *Indonesia beyond the water's edge: Managing archipelagic state*, ISEAS.
- Paul, Fenny (2002), *Penculikan Sipadan & Pandanan: Impak ke atas keselamatan Sabah*, Latihan Ilmiah, Program Hubungan Antarabangsa, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
- Ramli Dollah & Ahmad Tajuddin Mohd. Said. (2004). "Kepentingan Nasional Dan Keselamatan Maritim Di Laut China Selatan", *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Jilid 1, Bil. 3, Jun, DBP: Kuala Lumpur
- Ramli Dollah (2005), 'Reaksi Perang Indonesia dan Impaknya Kepada Keselamatan Serantau', dibentangkan di *Seminar Sosio-Ekonomi dan IT Ke-3*, Universiti Utara Malaysia, 20-21 Ogos.
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan & Bazley Bee Basrah Bee (2007), Isu Ambalat: Reaksi Perang Indonesia Ke Atas Malaysia dan Implikasi Kepada Keselamatan Serantau" *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 35.
- Ramli Dollah. (2004). "Lanun atau Mundu di Sabah." In Jati (Journal of Southeast Asian Studies), Volume 9 (December 2004). Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Pp.171-188.
- Ramli Dollah, Wan Shawaluddin Wan Hassan, Diana Peters & Marja Azlima Omar. (2003). "Pendatang Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan. In Jati (Journal of Southeast Asian Studies). Volume 8 (December 2003). Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Pp217-240.

- Shiraishi, Takashi (2000). "Indonesia: Recent events and future challenges", *Asia-Pacific Review*, Nov., Vol. 7, Issue 2.
- South China Sea, [http://www.eia.doe.gov/emeu/cabs/South China Sea/pdf.pdf](http://www.eia.doe.gov/emeu/cabs/South%20China%20Sea/pdf.pdf) dilarikan pada 6 Ogos 2009.
- Storey, Ian. (2000), 'Indonesia's China Policy In the New Order and Beyond: Problems and Prospects', *Contemporary Southeast Asia*, Vol. 22, Issue 1.
- Temubual melalui telefon penulis dengan Cik Diana Gaban pegawai di Sabah Tourism pada (20/05/2008).
- UN, UNCLOS (1958), Official Records, First Committee on Territorial Sea & Contiguous Zone, Geneva 1958: [http://untreaty.un.org/cod/diplomaticconferences/lawofthesea-1958/vol/english/1st\\_Cttee\\_vol\\_III\\_e.pdf](http://untreaty.un.org/cod/diplomaticconferences/lawofthesea-1958/vol/english/1st_Cttee_vol_III_e.pdf).
- Wan Shawaluddin Wan Hassan. (2002). "The Spratlys Dispute and the Major Powers". In Jati (Journal of Southeast Asian Studies). Bilangan 7 (Disember 2007). Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Pp137-147.
- Zacher, Mark W. (2001). "The Territorial Integrity Norm: International Boundaries and the Use of Force", *International Organization*, Vol. 55, No. 2, Hal. 215–250.